

LABUAN: Seorang anggota tentera maut selepas mengalami cedera parah di bahagian kepala dalam satu kemalangan di Jalan Batu Arang Kg. Tg. Aru dekat sini malam Selasa.

Pemangku Ketua Polis Labuan, ASP Muhammad Fuad Abdul Majid, berkata kemalangan itu berlaku pada kira-kira jam 8.50 malam selepas motosikal yang ditunggang mangsa merempuh sebuah kereta yang datang bertentangan arah.

Mangsa berusia 24 tahun mati di Hospital Nekleus Labuan pada jam 12.03 pagi Rabu akibat cedera parah dan kehilangan banyak darah.

Menurut Fuad, akibat terlupe menaikkan kembali tongkat motorsikalnya selepas berhenti membeli barang di salah sebuah gerai berhampiran di tempat kejadian serta tidak memakai topi keledar adalah punca utama kemalangan yang menyebabkan tentera itu maut.

"Kesan geseran tongkat motor yang terdapat di tempat kemalangan jelas kelihatan yang memungkinkan beliau hilang kawalan lalu bertembung dengan sebuah kereta yang datang dari hadapan," katanya kepada wartawan *News Sabah*

Anggota tentera maut dalam kemalangan

Times ketika dihubungi di pejabatnya pagi kelmarin.

Dalam satu lagi kemalangan berasingan seorang pelajar Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL) Mohd. Iskandar Zainal bernasib baik kerana terselamat dari maut selepas keretanya terbabas lalu melanggar penghalang lereng bukit di Jalan Bukit Timbalai pada awal pagi kelmarin.

Difahamkan Iskandar yang baru sahaja pulang bercuti Hari Raya dari Selangor pada petang Ahad, memandu berseorangan dengan laju sehingga hilang kawalan lalu melanggar penghalang pagar lereng bukit

jalan itu yang menyebabkan beliau tersepit hampir satu jam.

Mangsa berjaya dikeluarkan selepas menerima bantuan daripada pihak bomba.

Ketua Ahli Bomba dari kampung Jawa, Mohd. Shyam Abdullah berkata, beliau bersama sembilan ahli bomba yang lain terpaksa bekerja keras selama hampir 40 minit sebelum berjaya mengeluarkan mangsa yang tersepit.

Bagaimanapun Iskandar masih bernasib baik kerana terselamat dari maut dan hanya mengalami cedera parah di bahagian punggung dan kaki sebelum dihantar ke Hospital Nekleus Labuan. **-OLEH JD**